☑ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 29/3/2012
Hari: KHAMIS M/S: 2
Ruangan: VARSITI

Yayasan Sukarelawan untuk siswa prihatin

Oleh Siti Sofia Md Nasir
bhvarsiti@bharian.com.my

SHAH ALAM: Penubuhan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada 21 Mac lalu diyakini dapat memartabatkan khidmat sukarelawan siswa Malaysia di pentas global sekali gus mengharumkan nama negara.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata ia mampu membentuk mahasiswa bersikap marhain, rendah diri, prihatin terhadap isu kemanusiaan sejagat, berjiwa sukarela, menabur bakti dan membalas jasa masyarakat.

Katanya, mahasiswa di universiti bukan hanya atas tujuan menuntut ilmu semata-mata, sebaliknya menerusi aktiviti sukarela, mereka yang selama ini hanya mengetahui keadaan yang berlaku dalam kampus kini dibawa keluar untuk memahami isu, cabaran dan masalah sebenar masyarakat.

"Kita tidak mahu mahasiswa yang lahir daripada institusi pengajian tinggi (IPT) hanya mementingkan prestasi akademik saja tanpa mempedulikan masyarakat. Melalui program kesukarelawan, ia mampu mengupayakan potensi mahasiswa secara menyeluruh selari matlamat falsafah pendidikan negara untuk melahirkan modal insan seimbang bukan saja dari aspek intelektual, malah rohani, emosi dan jasmani.

"Oleh itu, saya berharap yayasan ini mampu melahirkan pelajar yang progresif dan dinamik, mencipta ikon atau menjadi idola kepada pelajar lain dan berkeupayaan tinggi dalam mengurus kepelbagaian bidang serta berani mengambil risiko," katanya dalam majlis pelancaran YSS di hadapan kira-kira 10,000 mahasiswa dari seluruh negara di Dewan Agong Tuanku Canselor, Universiti Teknologi MARA (UiTM), di sini.

Antara pendekatan yang diambil YSS ialah dengan mewujudkan satu kumpulan mahasiswa yang berperanan sebagai duta universiti iaitu bertindak sebagai ejen perubahan dan perantaraan antara masyarakat dalam menggerakkan program kemasyarakatan.

Ketika ini seramai 82 mahasiswa dilantik sebagai duta universiti mewakili semua IPT di seluruh negara menerima sijil pelantikan pada malam pelancarannya.

Penubuhan yayasan itu seiring kepentingan aktiviti kesukarelawan dalam kalangan mahasiswa dan bagi memanfaatkan usaha sukarelawan secara lebih menyeluruh. Selain ditubuhkan untuk merancang, melatih, mengurus dan memantau sukarelawan siswa Malaysia yang memberi khidmat sukarela di dalam dan luar Negara, yayasan itu juga akan menjadi penggerak utama aktiviti kesukarelawan siswa yang lebih sistematik dan akan memacu program sukarelawan berdaya maju secara berterusan.

Dalam majlis itu, Najib turut menyerahkan watikah pelantikan kepada pengerusi YSS, penajaan YSS dan duta universiti sebelum menghadiri sesi 'Teh Tarik' bersama wakil pelajar.

Antara penerima watikah itu ialah Chambers of Zuraidah Atan, Datuk Zuraidah Atan selaku Pengerusi YSS; Pengarang Kumpulan Berita Harian/Berita Minggu, Datuk Mior Kamarul Shahid dan Pengerusi Khairul Group, Datuk Khairul Anwar Rahmat, masing-masing selaku ahli YSS.

ROSLIN MAT TAHIR | BERITA HARIAN

Najib (tiga dari kanan) melancarkan logo Yayasan Sukarelawan Siswa dan Amanat PM bersama Warga Kampus di Dewan Agong Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam.